

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN**  
**[ BANDAR KUCHING ]**  
**TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 19**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana kesediaan Kementerian dalam melaksanakan Dasar Pendidikan Percuma terutamanya dan juga pendidikan percuma di peringkat IPTA dan bilakah ianya akan dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

**Dasar Pendidikan Percuma**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendidikan percuma telah dilaksanakan di peringkat prasekolah hingga lepasan menengah bagi institusi pendidikan kerajaan di samping pemberian bantuan persekolahan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pada masa kini yuran khas sekolah dan bantuan tambahan persekolahan yang sebelum ini dibayar oleh ibu bapa atau penjaga murid pada awal tahun persekolahan telah dimansuhkan.

Kos Pembelajaran dan Pengajaran (PdP), aktiviti sukan, kokurikulum dan program pembangunan sahsiah diri murid adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan untuk semua murid di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan berdasarkan enrolmen tahun semasa melalui lima (5) jenis Bantuan Umum seperti berikut :

- i. Bantuan Geran Per Kapita (PCG)
- ii. Bantuan Per Kapita Pra Sekolah
- iii. Bantuan Makanan Pra Sekolah
- iv. Bantuan Sukan Sekolah
- v. Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan

### **Sektor Pendidikan Tinggi**

Manakala pendidikan di peringkat pendidikan tinggi pula adalah hampir percuma iaitu pelajar hanya membayar 10 peratus sahaja daripada kos sebenar program akademik. Ini bermakna setiap pelajar universiti awam secara tidak langsung menerima 90 peratus subsidi daripada Kerajaan. Yuran ini tidak pernah dinaikkan walaupun kos untuk program berkaitan bertambah setiap tahun. Senario ini dapat dilihat jika program yang sama ditawarkan di institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) pada harga yang lebih tinggi. Contohnya program perubatan di Universiti Malaya di mana kos program yang perlu dibayar oleh pelajar adalah berjumlah **RM14,200** berbanding dengan kos program perubatan di UCSI sebanyak **RM260,000**.

Kelestarian kemampuan kewangan kerajaan untuk membiayai institusi pendidikan tinggi awam secara berterusan serta inisiatif membolehkanupayakan institusi untuk menjana pendapatan mereka sendiri tanpa menjejaskan kualiti pendidikan yang diberikan adalah faktor utama yang perlu diberi perhatian. KPM sedang melaksanakan kajian yang terperinci bagi melihat kebolehlaksanaan pendidikan percuma di universiti awam, politeknik dan kolej komuniti di bawah KPM.

Namun begitu, KPM tetap menyediakan bantuan kewangan melalui pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) kepada pelajar-pelajar yang memerlukan. Ini bagi memastikan pelajar yang berkelayakan akan diberi peluang untuk menyertai pendidikan tinggi atas dasar inklusiviti. Di samping itu, di peringkat pendidikan tinggi juga, KPM turut menyediakan bantuan secara bersasar terutamanya kepada golongan B40 melalui bantuan kewangan pelajar asasi IPTA, bantuan kewangan pelajar matrikulasi, bantuan kewangan kolej komuniti, bantuan kewangan orang kurang upaya, elaun bantuan sara hidup dan biasiswa.

Perlembagaan setiap universiti awam juga telah memberi kuasa kepada universiti untuk menetapkan kadar yuran yang akan dikenakan bagi program pengajian. Pihak universiti akan membuat kajian pasaran yang menyeluruh bagi sesuatu kursus dan impaknya terhadap pelajar dan universiti itu sendiri sebelum sebarang keputusan diangkat ke Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

Dari sudut Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) pula, pihak Kementerian belum bercadang untuk menyemak semula yuran akademik di Politeknik dan Kolej Komuniti kerana kadar yuran pengajian semasa adalah sebanyak RM200 untuk satu semester (sekitar RM1.33 sehari) dan merupakan antara kadar yuran pengajian yang terendah di negara kita. Kadar ini dianggap amat munasabah dan tidak membebankan pelajar untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Bagi pelajar yang menjalani Latihan Industri pada tahun akhir iaitu semester 6 bagi pelajar diploma dan semester 4 bagi pelajar sijil, mereka dikecualikan daripada membayar yuran pengajian. Ini disebabkan mereka tidak menggunakan fasiliti dan kemudahan di Politeknik atau Kolej Komuniti.

Dalam usaha kerajaan untuk merealisasikan dasar pendidikan percuma ini, Kementerian kini sedang mengkaji feasibility/keupayaan dan kebolehlaksanaan Kerajaan dalam memberikan pendidikan percuma kepada pelajar yang layak. Melalui kajian ini, beberapa model pendidikan sedang dipertimbangkan dan pengiraan terperinci berkaitan perkara ini sedang dilaksanakan. Perbincangan dan sesi libat urus bersama-sama pihak Kementerian Kewangan (MOF) dan universiti awam juga turut diadakan supaya hasrat ini dapat direalisasikan.

Sekian, terima kasih.